

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HGM 333 – Pemikiran Geografi

Masa : [2 Jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **LIMA** [5] SOALAN DALAM **DUA** [2] HALAMAN.

Jawab **TIGA** [3] soalan sahaja. Soalan **SATU** [1] adalah **WAJIB** dijawab dan pilih **DUA** (2) soalan yang lain.

1. Bincangkan 5 sumbangan utama bidang geografi. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh yang sesuai .

[40 markah]

2. Pilih **SATU** [1] model kontemporari (masa kini) dan bincangkan kerelevanannya kepada usaha untuk menyelesaikan masalah alam sekitar atau pengurusan sumber.

[30 markah]

3. Pergerakan pasca moden mencatatkan peranjakan yang membawa perhatian kepada kesedaran baru mengenai revolusi landskap budaya serta konstruk sosial baru. Bincangkan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada ciri-ciri persekitaran bandar, *suburbia* atau kejiranan.

[30 markah]

..2/-

4. Ruang dan Tempat mempunyai makna yang berlainan dalam Geografi Budaya dan Geografi Perilaku. Bincangkan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

(30 markah)

5. Jelaskan **TIGA** [3] pasangan konsep yang berikut dari sudut geografi dan sertakan dengan contoh yang sesuai.

(30 markah)

- (a) Perbezaan di antara 'Universalisme' dengan 'Particularisme'
- (b) Perbezaan di antara 'Global' dengan 'Lokal'
- (c) Perbezaan di antara 'Ekualiti' dengan 'Hierarki'
- (d) Perbezaan di antara 'Masa sebagai Urutan (Sequence)' dengan 'Masa sebagai Seiringan (synchronization)'
- (e) Perbezaan di antara 'Analisis' dengan 'Sintesis'
- (f) Perbezaan di antara 'Berbeban Nilai' dengan 'Tanpa Nilai'
- (g) Perbezaan di antara 'Kualitatif' dengan 'Kuantitatif'